

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Malaysia

TARIKH : Jumaat, 12 Januari 2018

M/S : 5

DALAM NEGERI | 5



TENGKU ABDULLAH SULTAN AHMAD SHAH berkenan menyerahkan buku *Istana Pahang: Pahang Palace* kepada Mohamed Nazri di Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama Tengku Shahariah Sultan Ahmad Shah (kiri), Adnan Yaakob dan Mohd. Sharkar Shamsudin (kanan). -UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN

Sasaran 16 juta pelancong lawat Pahang tahun ini

KUALA LUMPUR 11 Jan. – Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah menyasarkan sekurang-kurangnya 16 juta pelancong dalam dan luar negara melawat Pahang tahun ini.

Baginda bertitah, sasaran itu seja jar dengan kempen *Revisit Pahang 2018* yang telah bermula bulan ini iaitu kesinambungan program anjuran Kerajaan Negeri Pahang sempena Tahun Melawat Malaysia 2017.

Titah baginda, statistik jumlah pelancong ke Pahang didapati meningkat dua juta orang pada tahun lalu iaitu sebanyak 14.8 juta berbanding 12.8 juta orang pada 2016.

“Saya yakin sasaran 16 juta ini adalah munasabah kerana banyak kawasan dan lokasi lain yang bakal menjadi tumpuan orang ramai seperti Genting Highlands dan Air Terjun Sungai Lembing di Kuala Gandah, Lanchang.

“Malah, saya telah memberitahu kepada Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz supaya mempromosikan Gua Gelanggi di Jerantut iaitu gua yang pernah menjadi empayar negeri Pahang ratusan tahun lalu,” titah baginda kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu, baginda berkenan menyempurnakan majlis pelancaran buku *Istana Pahang: The Palace of Pahang* di Perpustakaan

Negara Malaysia (PNM).

Yang turut hadir Tengku Puteri Seri Bongsu Pahang, Tengku Shahariah Sultan Ahmad Shah; Mohamed Nazri; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Datuk Rashidi Hasbullah dan Pengurus Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Pahang, Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamsudin.

Terdahulu, baginda turut menzahirkan rasa bangga dengan usaha dua penulis buku *Istana Pahang: The Palace of Pahang* iaitu Orang Besar Istana Pahang, Datuk Seri Halim Ibrahim dan Penyayahan Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Dr. Norhasni Zainal Abidin yang disifatkan sebagai inisiatif yang membanggakan kerana mengetengahkan fungsi dan peranan istana serta kesulitan diraja kepada masyarakat umum.

“Istana merupakan institusi kedaulatan yang memainkan peranan tersendiri kepada rakyat, sama ada dalam aspek budaya, politik dan sosial. Justeru, usaha penerbitan buku ini mampu mempertahankan khazanah dan nilai-nilai negeri Pahang supaya tidak ditelan zaman,” titah baginda ketika berucap dalam majlis yang dihadiri oleh 500 orang itu.